




JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
TINGKAT 11, CENTRE POINT NORTH
THE BOULEVARD, MID VALLEY CITY,
59200 KUALA LUMPUR

Telefon : 03 - 92354357
Faksimili : 03 - 22872704
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>



Rujukan kami : (8) PKR(L)2/1/38

Tarikh : 13 Julai 2012

Semua Ketua Jurutera Elektrik Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur
Semua Ketua Jurutera Elektrik Negeri
Semua Jurutera Elektrik Kader

PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL 3 TAHUN 2012
PERLAKSANAAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514)
DI CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pemakaian dan penekanan terhadap pemuatan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) kepada semua warga Cawangan Kejuruteraan Elektrik di Ibu Pejabat, di Negeri dan Pegawai Kader.


2.0 LATAR BELAKANG

Surat pekeliling ini turut mengambil kira akta / pekeliling / arahan-arahan yang dikeluarkan terdahulu iaitu :

- i. Pemuatan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) yang diperuntukkan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja dilindungi.
- ii. Arahan pemuatan Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 dan pelaksanaan arahan, peraturan, prosedur dan peruntukan undang-undang berkaitan keselamatan perlindungan di jabatan-jabatan kerajaan melalui Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 20hb. Ogos 2004.



NO. SITI SKB MS ISO 9001: 0326



MS ISO 14001 CERT. NO J011301102

**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL 3 TAHUN 2012**

- iii. Pengeluaran Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kerja Raya bertarikh 29hb. Julai 2011.
- iv. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil.1/2012 "Spesifikasi Untuk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Kerja-Kerja Kejuruteraan Pembinaan 2011" dan "Senarai Kuantiti Untuk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan" bertarikh 5hb. Januari 2012.

3.0 PELAKSANAAN

- i. Semua kakitangan dikehendaki untuk memastikan keselamatan dan kesihatan diberi penekanan semasa melaksanakan kerja samada di pejabat atau pun di tapak bina. Turut mengambilkira langkah-langkah keselamatan tanpa risiko kepada kesihatan diri dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
- ii. Setiap kakitangan perlu menerapkan budaya kerja selamat dan sihat melalui amalan perkongsian tanggungjawab di kalangan semua warga Cawangan Kejuruteraan Elektrik bagi mematuhi keperluan perundangan.
- iii. Adalah menjadi kewajipan setiap pekerja berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994, Seksyen 24(1) : kewajipan am pekerja yang sedang bekerja :
 - a) Untuk memberikan perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan kesihatan dirinya dan orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan atau peninggalannya semasa bekerja;
 - b) Untuk bekerjasama dengan majikan atau mana-mana orang lain dalam menunaikan apa-apa kewajipan atau kehendak yang dikenakan ke atas majikan atau orang lain itu melalui AKKP 1994 atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya;
 - c) Untuk memakai atau menggunakan pada sepanjang masa apa-apa kelengkapan atau pakaian perlindungan yang diadakan oleh majikan bagi maksud mencegah apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatannya; dan
 - d) Untuk mematuhi apa-apa arahan atau langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diperkenalkan oleh majikannya atau mana-mana orang lain melalui atau di bawah AKKP 1994 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.



**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL 3 TAHUN 2012**

4.0 PENGGUNAAN DAN PENGUATKUASAAN

Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Mohd Fazl bin Osman 11/7/12

.....
(Ir. Hj. MOHD FAZL BIN OSMAN)

**PENGARAH KANAN,
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK,
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA.**





KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Blok A, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

Telefon: 88881480
88883381
Fax: 88883382

UPTM 159/267/50 Klt 4 (46)

Ogos 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Y. Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN 1994 DAN PELAKSANAAN ARAHAN, PERATURAN,
PROSEDUR DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN
KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI JABATAN-JABATAN
KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan "Audit Berkaitan Pematuhan oleh Agensi-agensi Kerajaan ke atas Peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994", manakala Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (KPKK), Jabatan Perdana Menteri pula telah menjalankan "Kajian ke atas Arahan, Peraturan dan Prosedur Keselamatan Perlindungan di Jabatan-jabatan Kerajaan" pada tahun 2003. Penemuan kedua-dua kajian dan auditan ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 48 Bil. 1/2004 pada 20 Mei 2004.

3. Hasil daripada auditan dan kajian tersebut menunjukkan bahawa sebahagian besar Kementerian dan Agensi Kerajaan hanya mematuhi tahap minimum peraturan-peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan kehendak-kehendak Arahan, Peraturan dan Prosedur Keselamatan Perlindungan di Jabatan-jabatan Kerajaan.

4. Semua Ketua Jabatan adalah bertanggung jawab untuk memantapkan keselamatan perlindungan di agensi masing-masing termasuk dokumen, rekod dan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pada masa yang sama Ketua Jabatan juga perlu memastikan tempat kerja yang sihat dan selamat. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan dikehendaki memastikan kementerian, jabatan dan agensi masing-masing meningkatkan pematuhan ke atas kehendak-kehendak akta, arahan, peraturan dan prosedur yang berkaitan dengan keselamatan perlindungan, dokumen dan rekod serta keselamatan peralatan ICT seperti di **Lampiran A** dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti di **Lampiran B**.

5. Untuk melaksanakan arahan ini, Ketua Jabatan tidak perlu menubuhkan jawatankuasa yang berasingan, tetapi memadai dengan memanfaatkan Jawatankuasa Keselamatan Jabatan yang telah sedia ditubuhkan mengikut Arahan Keselamatan Kerajaan. Walau bagaimanapun peranan Jawatankuasa Keselamatan Jabatan ini perlu diperluaskan untuk mencakupi juga aspek-aspek keselamatan peralatan ICT serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

6. Saya berharap semua Ketua Jabatan dapat memberi perhatian kepada keselamatan perlindungan, keselamatan peralatan ICT serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dalam perkara ini sebarang rujukan mengenainya bolehlah dibuat kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia.

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN

s.k. Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
Aras 1 dan 2, Blok B7, Parcel B
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Aras 6, Blok B2, Parcel B
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Blok D3, Aras 2,3,4 & 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN
MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN	AGensi DIRUJUK
A. <u>Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja</u> <u>1994 (AKKP)</u> Peraturan-peraturan di bawahnya: 1. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pernyataan Dasar Am Keselamatan dan Kesihatan Majikan (Pengecualian) 1995 2. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 3. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 4. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan bahan kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 1997 5. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 6. Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 7. Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Larangan Penggunaan Bahan) 1999	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP)

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN
MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN	AGensi DIRUJUK
8. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 9. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Kercunan Pekerja dan Penyakit Pekerja) 2004 A. <u>Garis panduan berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994:</u> 1. <i>Guidelines for Public Safety and Health at Construction Site- 1994</i> 2. <i>Guidelines on Occupational Safety and Health in the Office - 1996</i> 3. <i>Guidelines on First-Aid Facilities in the Workplace - 1996</i> 4. <i>Guidelines on Method of Sampling and Analysis for Airborne Lead – April 1997</i> 5. <i>Guidelines for the Formulation of a Chemical Safety Datasheet – Dec 1997</i> 6. <i>Guidelines for the Classification of Hazardous Chemicals - Dec 1997</i> 7. <i>Guidelines for Labeling of Hazardous Chemicals – Dec 1997</i>	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP)

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN
MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN	AGENSI DIRUJUK
8. <i>Guidelines on Occupational Safety and Health in Tunnel Construction – Dec 1997</i> 9. <i>Guidelines for the Preparation of a Chemical Register – Sept 2000</i> 10. <i>Guidelines on Trenching for Construction Safety – Sept 2000</i> 11. <i>Guidelines for the Registration of Assessors, Hygiene Technician and Occupational Health Doctor – Dec 2000</i> 12. <i>Assessment of the Health Arising from Use of Hazardous Chemical in the Workplace (2nd Edition) – Dec 2000</i> 13. <i>Guidelines on the Control of Chemicals Hazardous to Health – August 2001</i> 14. <i>Guidelines on Medical Surveillance – October 2001</i> 15. <i>Garis panduan Penyediaan Dokumen Demonstrasi Operasi Selamat (Am) – 2001</i> 16. <i>Garis panduan Penyediaan Dokumen Demonstrasi Operasi Selamat (Penstoran Gas Petroleum Cecair Di Dalam Silinder) – 2001</i> 17. <i>Panduan Bagi Pencegahan Tekanan Dan Keganasan Di Tempat Kerja – Oktober 2001</i>	

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN
MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN	AGensi DIRUJUK
18. <i>Guidelines on Monitoring of Airbone Contaminant For Chemicals Hazardous To Health – November 2002</i> 19. <i>Guidelines on Occupational Safety and Health for Standing at Work – Sept 2002</i> 20. <i>Guidelines on Reproductive Health Policy & Programmes at the Workplace –December 2002</i> 21. <i>Guidelines on Occupational Safety and Health in Agriculture – October 2002</i> 22. <i>Guidelines on Occupational Vibration - July 2003</i> 23. <i>Guidelines on Occupational Safety and Health for Seating at Work – October 2003</i> 24. <i>Guidelines on Occupational Safety and Health In Fishing and Agriculture Operation – 2003</i> 25. <i>Guidelines on Gender Issues In Occupational Safety and Health – 2003</i> 26. <i>Guidelines on Occupational Safety and Health for Working with Video Display Unit (VDU's)- June 2003</i>	

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR
KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

KATEGORI	AGENSI DIRUJUK
<u>A. Keselamatan Perlindungan Secara Am</u>	
1. <i>Emergency (Essential Power) Act 1964</i>	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
2. Essential (Key Points) Regulations 1965	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
3. Perakuan Jawatankuasa mengkaji semula peraturan keselamatan Pejabat Tahun 1982	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
4. Arahan Keselamatan Yang Dikuatkuasakan Melalui Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
5. Arahan Jawatankuasa Tetap Sasaran Penting Bil. 1 Tahun 1985	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
6. Arahan Tetap Sasaran Penting Yang Dikeluarkan Kepada Pihak Yang Terlibat Dalam Pengurusan Sasaran Penting Milik Kerajaan Dan Swasta Yang Diluluskan Oleh Jemaah Menteri Pada 13 Oktober 1993	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
7. Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1993- Meningkatkan Kualiti Kawalan Keselamatan Perlindungan Di Jabatan-Jabatan Kerajaan	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
<u>B. Keselamatan Dokumen</u>	
1. <i>Confidential General Circular Memorandum No. 1 of 1959 (Code Words-Allocation & Control)</i>	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
2. Akta Rahsia Rasmi 1972	Arkib Negara

KATEGORI	AGensi DIRUJUK
3. Akta Arkib Negara 2003 4. Surat Pekeliling Bil. 8 Tahun 1990- Arahan Keselamatan Kawalan, Penyelenggaraan, Maklumat-Maklumat Ukur Dan Geografi Yang Antara Lainnya Merangkumi Peta-Peta Rasmi Dan Penderiaan Jauh 5. Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1972- Keselamatan Rahsia-Rahsia Kerajaan Daripada Ancaman Penyuluhan (<i>espionage</i>) 6. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987-Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi Selaras Dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1976 7. Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi Selaras Dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 Dan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987 Yang Ditandatangani Oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara Melalui Surat PM(R)10308/3/(45) Bertarikh 8 Mei 1987 8. Kawalan Keselamatan Rahsia Rasmi Dan Dokumen Rasmi Kerajaan Yang Dikelilingkan Melalui Surat KPKK(R)200/55 Klt.7(21) Bertarikh 21 Ogos 1999	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
<u>C. Keselamatan Fizikal/ Bangunan</u> 1. Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan Tahun 1959 2. Arahan Pembinaan Bangunan Berdekatan Dengan Sasaran Penting, Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 3. <i>State Key Points/Counter Sabotage Standing Policy Directive (1964)</i>	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

KATEGORI	AGENSI DIRUJUK
4. Surat Pekeliling Am Rahsia Bil.1 Tahun 1975. (Keselamatan Jabatan-jabatan Kerajaan) 5. Surat Bil. KPKK/308/A (2) bertarikh 7/9/79. (mencetak Pas-Pas Keselamatan dan Kad-Kad Pengenalan Kementerian/Jabatan) 6. Surat Pekeliling Am Bil 4 Tahun 1982- Permohonan Ruang Pejabat Sama Ada Dalam Bangunan Guna sama Atau pun Disewa Di Bangunan Swasta 7. Surat Pekeliling Am Bil. 14 Tahun 1982 – Pelaksanaan Pelan Pejabat Terbuka D. <u>Keselamatan Individu</u> 1. Government Security Officer: Terms of Reference – Extract On Training Of Departmental Security Office 2. Confidential General Circular Memorandum 3. Instruction On Positive Vetting Procedure 4. Surat Pekeliling Am Sulit Bil.1/1966 – Perkara Keselamatan Tentang Persidangan- Persidangan/Perjumpaan/Lawatan Sambil Belajar Antarabangsa 5. Surat Pekeliling Tahun 1966 - Tapisan Keselamatan Terhadap Pakar/Penasihat Luar Negeri 6. Surat Pekeliling Am Sulit Bil.1/1967 – Ceramah Keselamatan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan dan mereka-mereka yang Bukan Pegawai- Pegawai Kerajaan yang bersama dalam Perwakilan Rasmi Malaysia semasa melawat Negara-negara tabir Buluh dan Tabir besi 7. Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 2 Tahun 1977- Melaporkan Perjumpaan/ Percakapan Di Antara Diplomat/ Orang-Orang Perseorangan Dari Negeri-Negeri Asing Dengan Anggota-Anggota Kerajaan	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

KATEGORI	AGENSI DIRUJUK
8. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003 – Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan	Jabatan Perkhidmatan Awam
9. Malaysian Public Sector Management of Information & Communication Technology Security Handbook (MyMIS) 2002	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
<u>E. Keselamatan Peralatan ICT</u>	
1. Akta Tandatangan Digital 1997	Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi
2. Akta Jenayah Komputer 1997	Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi
3. Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997	Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi
4. Akta Multimedia dan Telekomunikasi 1998	Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi
5. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1993 – Peraturan Penggunaan Mesin Faksimili di Pejabat-Pejabat Kerajaan	MAMPU
6. Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 – Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat & Komunikasi	MAMPU

KATEGORI	AGENSI DIRUJUK
7. Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2001 – Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)	MAMPU
8. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003 – Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet & Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan	MAMPU
9. Malaysian Public Sector Management of Information & Communication Technology Security Handbook (MyMIS) 2002	MAMPU

UNDANG-UNDANG MALAYSIA
LAWS OF MALAYSIA

AKTA
KESELAMATAN
DAN KESIHATAN
PEKERJAAN
DAN PERATURAN-PERATURAN

EDISI 2012



OCCUPATIONAL
SAFETY AND
HEALTH ACT AND
REGULATIONS

2012 EDITION



*"Knowledge And Quality,
We Produce The Best"*


Published And Printed by :
MDC PUBLISHERS SDN BHD

ACT 514

PRICE : RM 24.00



*"Pengetahuan dan Kualiti,
Kami Hasilkan Yang Terbaik"*



**JABATAN KERJA RAYA
MALAYSIA**

**POLISI
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Jabatan Kerja Raya Malaysia Komited untuk memenuhi peruntukan Seksyen 16, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514):-

- Menyedia, menyenggara serta mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat, tanpa risiko kesihatan kepada warga JKR dan pihak-pihak lain.
- Menyediakan sumber kewangan, informasi, program dan latihan yang berterusan, serta memastikan penerapan budaya kerja selamat dan sihat melalui amalan perkongsian tanggungjawab semua warga JKR bagi mematuhi keperluan perundangan.
- Memastikan Sistem Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan dilaksanakan serta penambahbaikan berterusan selaras dengan misi dan visi jabatan.

Polisi ini akan sentiasa dipantau dan disemak seiring dengan keperluan perundangan dan organisasi untuk direalisasi melalui komitmen semua pihak.

.....
(DATO' Ir. HJ.MOHD NOOR BIN YAACOB)
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
Tarikh : 29 Julai 2011



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR.

Telefon : (03) 26919011
Telefax : KRT MA 38415
Kawat : MINWORK KUALA LUMPUR
Fax : (03) 2694 8477 (Tkt. 3)
(03) 2692 1202 (Tkt. 4)
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>



Rujukan : JKR.KPKR:113.020.050/03 Jld. 2 (9)
Tarikh : 5 Januari 2012

Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Pengarah Bekalan Air Negeri Pahang
Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR Unit Khas
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 1/2012


- 1) **SPESIFIKASI UNTUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
BAGI KERJA-KERJA KEJURUTERAAN PEMBINAAN 2011
(SPECIFICATIONS FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
FOR ENGINEERING CONSTRUCTION WORKS 2011)**
- 2) **SENARAI KUANTITI UNTUK PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN
(BILL OF QUANTITIES FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
MANAGEMENT)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Arahan ini bertujuan untuk menerangkan penggunaan "Spesifikasi Untuk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Kerja-Kerja Kejuruteraan Pembinaan 2011" dan "Senarai Kuantiti Untuk Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan" dalam kontrak kerja JKR yang berkaitan bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, (SPKKP) JKR OHSAS 18001.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa Pembangunan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) bersama dengan Pegawai-Pegawai Keselamatan dan Kesihatan JKR telah membentuk spesifikasi dan senarai kuantiti seperti di atas; yang selaras dengan pelaksanaan SPKKP untuk projek pembinaan JKR
- 2.2 Spesifikasi dan Senarai Kuantiti berkenaan telah mengambil kira maklumbalas daripada Pengurusan Atasan JKR serta penggunaan dokumen SPB bagi projek-projek perintis dan merangkumi perkara-perkara berikut:



- (a) Surat Arahan KPKR Bil. 1/2011 bertarikh 20 April 2011: Pemakaian Sistem Pengurusan Bersepadu Dalam Sistem Kerja JKR Malaysia.
- (b) Keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (*Occupational Safety and Health Act 1994*) dan Peraturan-peraturan di bawah akta, Akta Kilang dan Jentera 1967 (*Factory and Machinery Act 1967*) dan Peraturan-peraturan di bawah akta, serta keperluan-keperluan lain yang berkaitan.
- (c) Standard Antarabangsa OHSAS 18001.
- (d) Amalan industri terkini berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.0 ARAHAN PENGGUNAAN DAN PENGUATKUASAAN

- 3.1 Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan. Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dikehendaki mengambil maklum dan mengguna sepenuhnya spesifikasi dan senarai kuantiti ini untuk pelaksanaan SPKKP JKR OHSAS 18001 dan semasa penyediaan Dokumen Meja Tawaran di peringkat perolehan bagi kontrak kerja baru yang termasuk dalam skop.
- 3.2 Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan "**Garis Panduan Penggunaan Spesifikasi untuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Kerja-Kerja Kejuruteraan Pembinaan 2011**" seperti di **Lampiran A** yang disertakan bersama-sama dengan surat ini.
- 3.3 Sekiranya ada sebarang masalah atau kemusykilan berhubung dengan penggunaan spesifikasi dan senarai kuantiti ini, pihak Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh merujuk kepada Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Pengurusan Korporat.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DAN CINTAILAH BAHASA KITA'



(DATO' Ir. HJ. MOHD NOOR BIN YAACOB)
Ketua Pengarah Kerja Raya,
Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes)
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan)
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
Juruukur Bahan Cawangan / Negeri / Unit Khas
Urusetia Sistem Pengurusan Bersepadu

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SPESIFIKASI UNTUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI KERJA-KERJA KEJURUTERAAN PEMBINAAN (2011)

1.0 Am

- 1.1 Spesifikasi ini adalah khusus untuk digunakan dalam penyediaan Dokumen Meja Tawaran bagi kontrak kerja kejuruteraan pembinaan, pembaikan dan pengubahsuaian; dengan kos kontrak lebih daripada RM 20 juta atau projek-projek yang termasuk dalam skop.
- 1.2 Item 15 di bawah Spesifikasi ini adalah khusus bagi kontrak kerja yang melibatkan perlantikan *Nominated Sub-Contractor (NSC)*.
- 1.3 Bagi kos kontrak kurang daripada RM 20 juta, Spesifikasi ini hendaklah digunakan setakat mana yang berkenaan dan sesuai seperti yang berikut:
 - (a) Item 4 : *Registration of Engineering Construction Works with DOSH* (Pendaftaran Kerja Pembinaan dengan JKKP)
 - (b) Item 5 : *General Duty of Contractor* (Kewajipan Am Kontraktor)
 - (c) Item 6 : *Safety & Health Plan, S-Plan* (Pelan Keselamatan dan Kesihatan)
 - (d) Item 7.1 : *Site Safety Supervisor* (Penyelia Keselamatan Tapak)
 - (e) Item 9 : *Protective Equipment*
- 1.4 Penyediaan Spesifikasi ini telah mengambil kira Surat Arahan KPKR Bil. 1/2011 berkaitan "Pemakaian Sistem Pengurusan Bersepadu Dalam Sistem Kerja JKR Malaysia" yang dikeluarkan pada tarikh 20 April 2011. Spesifikasi Addenda hendaklah disediakan sekiranya terdapat pindaan kepada Spesifikasi ini.

2.0 Pelarasan dengan Kehendak-Kehendak Projek


- 2.1 Spesifikasi ini hendaklah terlebih dahulu disemak sebelum digunakan untuk setiap projek; bagi memastikan semua kehendak projek diliputi dan tidak ada mana-mana perenggan atau kandungannya yang tidak menepati atau bercanggah dengan kehendak-kehendak projek.
- 2.2 Semua kehendak projek yang tidak diliputi oleh Spesifikasi ini atau tidak sejajar atau bercanggah dengannya, hendaklah dikenal pasti.
- 2.3 Kenyataan "*please delete where not applicable*" dalam Spesifikasi ini hendaklah terlebih dahulu disemak sebelum digunakan untuk setiap projek; bagi memastikan semua kehendak projek diliputi dan tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak projek.
- 2.4 Bagi tujuan pelarasan dengan kehendak-kehendak projek, semua pindaan yang perlu dibuat kepada Spesifikasi ini hendaklah dibuat melalui Spesifikasi Addenda.

3.0 Penyediaan Spesifikasi Addenda

- 3.1 Sebarang pindaan pada naskah Spesifikasi ini sendiri tidak dibenarkan. Semua pindaan kepada Spesifikasi ini hendaklah dibuat dengan cara penyediaan Spesifikasi Addenda.
- 3.2 Spesifikasi Addenda hendaklah disediakan untuk memuatkan perkara-perkara berikut:
 - (a) Keperluan-keperluan khas projek yang tidak diliputi oleh Spesifikasi ini.
 - (b) Pembatalan atau pembetulan mana-mana perenggan atau kandungan Spesifikasi ini yang didapati tidak menepati atau bercanggah dengan kehendak-kehendak projek.
 - (c) Pindaan kepada Arahan dan Polisi Jabatan yang diambil kira dalam penyediaan Spesifikasi ini dan mana-mana arahan baru yang berkenaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
 - (d) Pindaan kepada Akta, Peraturan, Perundangan, *Code of Practice* dan Standard yang diambil kira dalam penyediaan Spesifikasi ini dan keperluan-keperluan baru yang berkenaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 3.3 Spesifikasi Addenda hendaklah disediakan bahagian demi bahagian mengikut susunan Spesifikasi ini seperti cara yang berikut:
 - (a) Menyata dan menyenaraikan perenggan dalam Spesifikasi ini yang hendak dibatalkan;
 - (b) Menyatakan perenggan-perenggan dalam Spesifikasi ini yang hendak dipinda dan penggantian dengan perenggan-perenggan yang dikehendaki; dan
 - (c) Menyatakan peruntukan-peruntukan baru berserta nombor yang diberi kepadanya dan muka surat ia ditempatkan dalam Spesifikasi ini.
- 3.4 Semua Spesifikasi Addenda hendaklah dimuatkan dalam satu naskah yang diberi tajuk bersesuaian dengan nama projek di muka depannya dan disahkan oleh Ketua Pasukan Projek (*Head of Project Team*) atau Ketua Pasukan Reka Bentuk (*Head of Design Team, HODT*) berkenaan.

4.0 Pertanyaan untuk Pemakaian Spesifikasi

- 4.1 Sebarang pertanyaan berkenaan pemakaian spesifikasi ini (jika ada), sila merujuk kepada Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JKR Malaysia.



Jabatan Kerja Raya Malaysia

**SPECIFICATIONS FOR
OCCUPATIONAL
SAFETY AND HEALTH
FOR ENGINEERING
CONSTRUCTION WORKS
2011**

Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia

**SPECIFICATIONS FOR
OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
FOR ENGINEERING CONSTRUCTION WORKS
2011**

ITEM	CONTENT	PAGE
1	Scope of Works	1
2	Special Provisions to the Conditions of Contract	1
3	Examination of Tender Documents and Visit of Site	1
4	Registration of Engineering Construction Works with DOSH	1
5	General Duty of Contractor (Employer & Self-Employed Persons) In Accordance with the Enforcement of Act	2
6	Safety and Health Plan (S-Plan)	2
7	Human Resources and Training	4
8	Inspection, Audit and Report	5
9	Protective Equipments	5
10	Health Measures, Protection and Welfare	6
11	Safe Working Area	7
12	Safety Signage And Traffic Management	9
13	Site Security	9
14	Special Safe Working Condition	9
15	Nominated Sub-Contractor (NSC)	10

Appendix A: List of Related Acts, By-Laws, Regulations, Codes of Practice, Standards, Guidelines Referred To In This Specification

1. Scope of Works

- 1.1 The Conditions of Contract for the Works which is embodied in the Form of Contract (Form PWD 203/ Form PWD 203A) shall be read in conjunction with this Specification. A copy of the Form of Contract is available for inspection on the Tender Table on any working day up to the time appointed for receiving tenders. If the tenderer considers that any of the clauses of the contract involves expenses, he shall allow for the money value of such clauses in his Tender.
- 1.2 The Works covered in the contract comprise the provision by the Contractor at his own risk and cost of all materials, scaffolding, tools, plant, labour, transport, water, light and everything else necessary for the construction and completion of the project.

All to the entire approval of the Superintending Officer / Project Director hereinafter referred to as the S.O / P.D.

2. Special Provisions to the Conditions of Contract

- 2.1 The Contractor's attention is drawn to the Special Provisions to the Conditions of Contract as listed in the PWD Form of Contract.

3. Examination of Tender Documents and Visit of Site

- 3.1 The Contractor is deemed to have visited the Site and Site Briefing (as stated in tender notice) while preparing the tender to ascertain for himself the extent of the Works involved and the nature of the working conditions and make himself thoroughly acquainted with any site restrictions, obstructions and all other details.
- 3.2 The Contractor is deemed to have fully examined the Tender Documents and have had full opportunity to consider the details therein and make every investigation in relation thereto. Any discrepancies in the Tender Documents shall be referred in writing as soon as possible and before submitting the tender. If necessary, amend or clarify the matter by means of a formal Addendum to the Tender Documents. Receipt of the Addendum must be acknowledged on the form issued with the Addendum.

4. Registration of Engineering Construction Works with DOSH

- 4.1 Construction Works with contract period more than Six (6) weeks shall register with DOSH by Contractor within Seven (7) days after the issuance of the Letter of Acceptance/Letter of Award/ or any document that constitutes acceptance of a contract of Works; as comply with Section 35, Factory And Machinery Act 1967.

5. General Duty of Contractor (Employer & Self-Employed Persons) In Accordance with the Enforcement of Act

5.1 Comply with Section 15: Occupational Safety And Health Act 1994.

- (i) The Contractor shall ensure, so far as is practicable, the safety, health and welfare at work of all his workmen (employees).
- (ii) Without prejudice to the generality of item (i), the matters to which the duty extends, so far as is practicable, include in particular:
 - (a) The provision and maintenance of plant and system of work with safe and without risks to health;
 - (b) The making of arrangements for ensuring safety and absence of risks to health in connection with the use or operation, handling, storage and transport of plant and substances;
 - (c) The provision for such information, instruction, training and supervision as is necessary to ensure the safety and health at work of his workmen
 - (d) The maintenance of place of work condition, the provision and maintenance of the means of access to and egress from place of work that are safe and without risks.
 - (e) The provision and maintenance of a working environment for his workmen that is safe without risks to health, and adequate as regards facilities for their welfare at work.

5.2 Comply with Construction Industry Development Board (CIDB) Malaysia Act 1994 and/or Regulations under the act

